

TAKLIMAT DANA MTUN

Pada 24 Januari 2019, satu sesi taklimat dana MTUN kepada semua penyelidik telah diadakan di Research Lounge, RMC oleh YBhg. Prof. Dr. Mohd Amri bin Lajis, Pengarah RMC. Objektif utama taklimat diadakan adalah bertujuan memberi penerangan dengan lebih jelas dan terperinci mengenai tatacara penawaran dan pengurusan geran penyelidikan MTUN di UTHM.




SESI PEMBENTANGAN LAPORAN PRESTASI TAHUNAN STAF PASCA DOKTORAL UTHM

Seramai 3 orang staf Pasca Doktor UTHM telah diminta untuk membentangkan Laporan Prestasi Tahunan pada 12 Januari 2019 di Bilik mesyuarat RMC. Turut hadir pada sesi pembentangan tersebut ialah Pengarah RMC, penyelia pelajar dan Penolong Pendaftar Kanan RMC. Tujuan diadakan sesi tersebut adalah untuk memastikan staf Pasca Doktor yang dilantik mencapai KPI yang telah ditetapkan oleh UTHM.

TAKLIMAT PERSEDIAAN DATA MYRA® TAHUN 2017 & 2018

Pada 02 Januari 2019 bertempat di Bilik Seminar 1, FKEE, telah diadakan Taklimat Persediaan Data Malaysia Research Assessment (MyRA®) bagi tahun 2017 & 2018. Taklimat telah disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Mohd Khairul bin Ahmad, Ketua Bahagian Strategik dan Pembangunan Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) dan dihadiri oleh ketua dan wakil-wakil dari semua Pusat Tanggungjawab yang terlibat dalam penyediaan data MyRA®. Objektif utama taklimat adalah untuk memastikan data yang disediakan adalah mengikut glosari MyRA® Kementerian Pendidikan Malaysia.



BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN DAN PENYEDIAAN SKTU 2019 RMC

Bengkel Pemantapan Pengurusan dan Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) RMC 2019 telah diadakan pada 24—27 April 2019 bertempat di Hotel Mudzaffar, Melaka. Objektif utama bengkel adalah untuk merangka strategic bagi memantapkan dan menambahbaik pengurusan di RMC serta membincangkan strategi pencapaian dan pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) RMC. Bengkel telah dimulakan dengan aluan oleh Prof. Dr. Mohd Amri bin Lajis, Pengarah RMC dan penyampaian amanat daripada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) iaitu YBhg. Prof. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim. Bengkel turut membincangkan Job Description dan penstrukturan semula staf RMC.



BENKEL SEMAKAN KEJITUAN DAN PIAWAIAN DATA MYRA 2018

Pada 24 Februari 2019 telah berlangsung Bengkel Semakan Kejituan dan Piawaian Data Malaysia Research Assessment (MyRA®) di Bilik Mesyuarat RMC. Bengkel ini dihadiri Prof. Dr. Mohd Shahir Shamsir Omar, Puan Zuraidah Saadan dan Encik Mohamad Fitri Khamis dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM) selaku panel yang dilantik. Seramai lebih kurang 30 orang pegawai dari pelbagai Pusat Tanggungjawab selaku data feeder/ owner telah terlibat dalam bengkel ini. Objektif utama bengkel adalah untuk memastikan data yang terkumpul adalah mengikut glosari MyRA® Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain memberi kefahaman kepada semua pegawai yang terlibat mengenai Glosari MyRA®, bengkel ini juga merupakan persediaan Universiti untuk program audit dalam MyRA® yang diadakan pada Julai dan September 2019.



RMC ENGAGEMENT HOURS

Pada setiap hari khamis, RMC akan mengadakan program 'RMC Engagement Hours' di Kampus Pagoh. Program ini dilaksanakan bertujuan bagi menyediakan ruang kepada staf di Kampus Pagoh untuk berjumpa dengan wakil RMC bagi membincangkan hal-hal berkaitan aktiviti penyelidikan

AKTIVITI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

BIL.	TARIKH/ TEMPAT	AKTIVITI
1	07 Januari 2019/ Dewan Jemaah	Taklimat Penawaran dan Pengurusan Geran Penyelidikan MTUN
2	07 Januari 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Permohonan Geran Kontrak
3	08 Januari 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Bil. 01/2019
4	16 Januari 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Permohonan Geran Kontrak
5	23 Januari 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Bil. 02/ 2019
6	11 Februari 2019/ Dewan Jemaah	Taklimat Pemantauan Prestasi Kewangan Geran Penyelidikan Bil. 01/ 2019
7	19 Februari 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Bil. 03/ 2019
8	27 Februari 2019/ Bilik Timbalan Pengarah RMC	Perbincangan Bersama Syarikat Alora Green Product
9	05 Mac 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 05/ 2019
10	12 Mac 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 06/ 2019
11	21 Mac 2019/ UTHM Kampus Pagoh	Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan Pelbagai Bidang (MDR)
12	24 Mac 2019/ Research Lounge RMC	Taklimat Permohonan Geran Penyelidikan Pelbagai Bidang (MDR)
13	24 Mac 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran A130
14	26 Mac 2019 / Bilik Mesyuarat RMC	Temubual Calon Staf Kontrak RMC
15	01 April 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 08/ 2019
16	14 April 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Proposal Geran Kontrak

AKTIVITI PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN (RMC)

BIL.	TARIKH/ TEMPAT	AKTIVITI
16	15 April 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Skim Geran Penyelidikan Dana MTUN
17	16 April 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Geran Kontrak
18	17 April 2019 Bilik Mesyuarat RMC	Perbincangan Berkaitan Pengurusan Geran di Bawah Tadbir Urus Pejabat PHUI
19	22 April 2019/ Bilik mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Permohonan Skim Geran Penyelidikan Dana MTUN
20	30 April 2019/ Studio Pendidikan FPTV	Taklimat Pemantauan Perbelanjaan Geran Penyelidikan Bil. 01/ 2019
21	30 April 2019/ Auditorium Al Jazari PTTA	Sesi Perjumpaan Bersama Penerima GPPS Fasa 01/ 2019
22	09 Mei 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 09/ 2019
23	12 Mei 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Susulan dan Mesyuarat Keputusan Permohonan Dana MTUN (Geran Sepadan) Tahun 2019
24	21 Mei 2019/ Bilik Mesyuarat FKEE	Program Audit MyRA di FKEE
25	26 Mei 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Permohonan Skim Geran MDR 2019
26	28 Mei 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Permohonan Skim Geran MDR 2019 (sambungan)
27	29 Mei 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Permohonan Skim Geran MDR 2019 (sambungan)
28	12 Jun 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 10/ 2019
29	16 Jun 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Permohonan Skim Geran MDR 2019 (sambungan)
30	25 Jun 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Pembentangan Kemajuan Geran Penyelidikan Bil. 11/ 2019
31	26 Jun 2019/ Bilik Mesyuarat RMC	Sesi Pembentangan Proposal Bagi Permohonan Geran Kontrak